

# SULTAN RESTUI DUA MB

**KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Haji Ahmad Razali Ali hari ini sah menjadi Menteri Besar Selangor manakala Encik Abdul Ajib Ahmad, 34 tahun, menjadi Menteri Besar Johor.**

Pemberita kita, Saring S'raj

melaporkan dari Shah Alam bahawa Sultan Selangor hari ini berkenan menerima Datuk Haji Ahmad Razali sebagai Menteri Besar.

Rasimah Mohamad, pemberita kita di Johor Bahru, melaporkan perantikan Encik Abdul Ajib Ahmad dibuat oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional dan diperkenankan oleh Sultan Johor, Sultan

Iskandar Alhaj hari ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Sulaiman Amin berkata, nama Datuk Haji Ahmad Razali dipersembahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Sultan ketika mengadap baginda di Istana Bukit Kawayan, di Shah Alam pagi ini.

Baginda yang mengarahkan Datuk Sulaiman membuat pengumuman perantikan Menteri Besar yang baru. Baginda

kelihatan gembira dan puas hati selepas menerima mengadap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Peretujuan ini, katanya, dicapai dalam pertemuan antara baginda dengan Datuk Seri Dr. Mahathir yang memakan masa hampir satu jam.

Baginda, katanya, menitahkan upacara mengangkat sumpah Menteri Besar dan ahli-ahli Exco'nya diadakan Selasa depan jam 10.30 pagi di Bal Rongeri, Istana Alam Shah, Kelang.

Dengan itu, kata Datuk Sulaiman, perkara perantikan Menteri Besar Selangor diselesaikan dalam pertemuan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, baginda akan menערusakan keberangkatannya ke Australia malam ini dan dijangka pulang sebelum upacara mengangkat sumpah itu dijalankan.

Turut hadir di Istana ialah Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Abdul Malek bin Haji Mobamad Salleh.